



**IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINT 7,
62250 PUTRAJAYA.**

Telefon : 603-88880036
Facsimile : 603-88880962
Homepage : www.bomba.gov.my
E-mail : pro@bomba.gov.my

‘SEDIA MENYELAMAT’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM:BKK/013/2/28 (2)
(Our Ref)
Tarikh : 17 November 2009
(Date)

YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P Kuala Lumpur,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri P.Pinang,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis,
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P Labuan.
YS Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P Putrajaya.

YS Dato’/Tuan,

Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 4 Tahun 2009; Kategori Perniagaan dan Premis Yang Tidak Perlu Sokongan Lesen Perniagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini disertakan salinan Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 4 Tahun 2009 untuk tujuan perlaksanaannya di negeri-negeri.
3. Arahan ini mula dikuatkuasa pada 1 hb, Januari 2010.

Sekian, Terima Kasih.

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia.

s.k

YAS Ketua Pengarah

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian.....



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

ARAHAN KESELAMATAN KEBAKARAN BILANGAN 4 TAHUN 2009

Kategori Perniagaan dan Premis Yang Tidak Perlu Sokongan Lesen Perniagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

1. Pendahuluan

- 1.1 Arahannya ini merupakan satu pendekatan Jabatan bagi menyokong usaha mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan dan Kerajaan keseluruhannya.
- 1.2 Jabatan pada masa sekarang berperanan sebagai agensi sokongan teknikal berkaitan keselamatan kebakaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Tafsiran

Bagi tujuan arahan ini, berikut adalah beberapa tafsiran dan ringkasan;

'CCC' - *Certificate Of Completion And Compliance* / Sijil Siap dan Pematuhan yang telah mendapat Surat Pelepasan JBPM

'CFO' - *Certificate Of Fitness And Occupancy* / Sijil Layak Menduduki yang telah mendapat Surat Sokongan Pengeluaran CFO JBPM

'JBPM' - Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Perakuan Bomba - Sepertimana menurut peruntukan pada seksyen 27 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

'pelan bangunan' ertinya pelan yang termasuklah pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, muka keratan dan tampak bangunan dan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil 8,9 dan 10, UKBS,

'UKBS' - Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

3. Latar Belakang

3.1 Kerja-kerja proses pengeluaran sokongan lesen ada kalanya bertindih, dengan proses sokongan pengeluaran CFO, aktiviti penguatkuasaan dan Perakuan Bomba. Situasi ini menyebabkan berlaku kekeliruan kepada pelanggan Jabatan. Wujud keadaan dimana sesuatu premis diperiksa berulang-kali bagi aktiviti

berbeza. Namun begitu, objektif utama masih sama iaitu untuk kepentingan keselamatan kebakaran melalui pencegahan awal.

- 3.2 Premis yang mempunyai struktur binaan dan juga keperluan '*means of escape*' yang sedia ada telah mematuhi kehendak-kehendak UKBS, 1984 adalah mencukupi dan sedia ada bagi memberi perlindungan kepada penggunaanya tanpa perlu sokongan lain.
- 3.3 Terdapat premis-premis perniagaan yang bersaiz kecil dan berisiko rendah sepertimana jadual di para 5 juga dirujuk kepada JBPM bagi mendapatkan sokongan pelesenan dimana keperluan keselamatan kebakaran hanya memerlukan alat pemadam api sahaja. Keperluan syarat ini boleh dilaksanakan oleh agensi pengeluar lesen tersebut dan penguatkuasaannya disokong oleh aktiviti penghapusan bahaya kebakaran..

4. Tujuan

Arahan ini bertujuan untuk:

- 4.1 Memaklumkan dasar JBPM berhubung keperluan pengeluaran sokongan perniagaan atau premis.
- 4.2 Melaksanakan dasar JBPM berhubung perniagaan atau premis yang tidak perlu dirujuk kepada jabatan untuk mendapatkan sokongan lesen Jabatan.

5. **Jenis-jenis premis dan perniagaan yang tidak perlu dirujuk kepada JBPM bagi sokongan pelesenan:**

BIL	KATEGORI PERNIAGAAN	KRITERIA YANG PERLU DIPATUHI
5.1	Lot-lot perniagaan yang beroperasi di premis-premis yang dikenalpasti sebagai Premis Ditetapkan di bawah PU(A) 276/1998, Seksyen 27, Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Jadual, Premis Ditetapkan adalah seperti di lampiran A.	i) Premis telah memiliki Perakuan Bomba yang sah tempohnya yang dikeluarkan oleh JBPM.
5.2	Semua jenis kategori kedai mengikut Jadual Kelima, UKBS, 1984 yang beroperasi di tingkat aras tanah (tingkat bawah) dan keluasan lantai keseluruhan tidak melebihi 750 meter persegi. Contohnya; kedai runcit, kedai makan/ minuman, bengkel kereta, kedai dobi, kedai aksesori, salon rambut, kedai alat-alat tulis, kantin sekolah.	i) Premis telah memiliki Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Sijil Siap dan Pematuhan (CCC), dan ii) Tidak melakukan apa-apa pindaan atau pengubahsuaian terhadap premis yang diluluskan seperti kelulusan pelan asal (Pelan bangunan).

BIL	KATEGORI PERNIAGAAN	KRITERIA YANG PERLU DIPATUHI
5.3	Semua jenis kategori pejabat yang beroperasi dari tingkat aras tanah (tingkat bawah) hingga ke tingkat 4 (bagi premis yang ketinggian tidak melebihi 12 meter dari aras tanah hingga ke lantai berpendudukan yang paling tinggi) dan keluasan lantai keseluruhan tidak melebihi 1000 meter persegi. :	i) Premis telah memiliki Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Sijil Siap dan Pematuhan (CCC), dan ii) Tidak melakukan apa-apa pindaan atau pengubahsuaian terhadap premis yang diluluskan seperti kelulusan pelan asal.
5.4	Restoran atau kedai sesebuah jenis setingkat dan tidak melebihi 750 meter persegi	i) Premis telah diberikan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Sijil Siap dan Pematuhan (CCC). dan ii) Tidak melakukan apa-apa pindaan atau pengubahsuaian terhadap premis yang diluluskan seperti kelulusan pelan asal.
5.5	Lain-lain Kategori i) Papan iklan / Billboard Signboard ii) Perniagaan Sementara / Gerai Kecil / mudah alih iii) Pejabat Sementara (Kabin) seperti pejabat penjualan kenderaan terpakai, dan nursery.	i) Pemasangan/pembinaan hendaklah tidak mengganggu/menghalang pemasangan kelengkapan kebomgaan seperti pili bomba, akses jentera bomba dan lain-lain.

6. Peranan dan Tanggungjawab Pengarah Bomba Negeri, Penguasa / Ketua Zon Bomba dan Ketua Balai

- 6.1 Memastikan perlaksanaan ini dijalankan secara menyeluruh untuk mengelakkan berlakunya ketidakseragaman amalan penyampaian perkhidmatan jabatan.
- 6.2 Memaklumkan kepada mana-mana permohonan yang dikategori seperti para 5 di atas, tidak perlu merujuk kepada JBPM untuk mendapatkan sokongan jabatan bagi mendapatkan lesen.
- 6.3 Memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bahawa mana-mana premis atau perniagaan seperti di para 5 tidak perlu dirujuk kepada JBPM untuk mendapatkan sokongan jabatan bagi mendapatkan lesen.
- 6.4 Memaklumkan ketetapan ini secara meluas di peringkat negeri dan balai bomba bagi menerangkan kepada pelanggan jabatan dan juga agensi pengeluar lesen.
- 6.5 Aktiviti penghapusan bahaya kebakaran perlu dipertingkatkan dengan tujuan memberi pendidikan berkaitan keperluan mengadakan pemasangan keselamatan kebakaran asas bagi premis kecil dan berisiko rendah ini khususnya dalam, mengadakan alat pemadam api mudah alih dan laluan kecemasan (*means of escape*) tidak terhalang. Sebarang ketidakpatuhan hendaklah diambil tindakan mengikut mana-mana peraturan dan arahan yang sedang berkuat kuasa.

7. **Surat Pengesahan Ketidakperluan Sokongan Lesen Jabatan**

7.1 Sekiranya masih terdapat permohonan daripada mana-mana pihak bagi kategori premis yang tidak perlu dirujuk seperti di atas, satu surat pengesahan boleh dikeluarkan kepada pemohon berkaitan dasar jabatan ini.

7.2 Semakan perlu dibuat sama ada pemohon termasuk dalam kategori perniagaan dan mematuhi kriteria seperti pada para 5 di atas sebelum pengesahan diberikan.

7.3 Contoh surat pengesahan seperti pada **Lampiran B**.

8. **Tarikh Berkuatkuasa**

Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan ... Tahun 2009 : Kategori Perniagaan dan Premis Yang Tidak Perlu Sokongan Lesen Perniagaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia ini berkuatkuasa pada tarikh arahan ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah JBPM.

9. **Penutup**

Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang pindaan yang terdapat di dalam Arahan ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Adalah diharapkan dengan adanya Arahan ini, segala aktiviti pelesenan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....

(DATO, HAMZAH BIN ABU BAKAR)

Ketua Pengarah,

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh :

Lampiran A

Senarai premis ditetapkan

(Diterbitkan sebagai PU(A) 276/1998)

Penggunaan Premis	Saiz
1. Perpustakaan	Lebih daripada 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)
2. Hospital dan Rumah Rawatan	(i) 3 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi (ii) 5 tingkat dan lebih
3. Hotel	(i) Reka bentuk laluan langkan terbuka (a) 4 tingkat dan lebih dengan lebih daripada 50 bilik (b) 6 tingkat dan lebih (ii) Reka bentuk lain – 21 bilik dan lebih
4. Asrama dan Dormitori	(i) 4 tingkat dan lebih di mana setiap kawasan lantai melebihi 250 meter persegi (ii) 6 tingkat dan lebih
5. Pejabat	Ketinggian melebihi 30 meter atau 10,000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)
6. Kedai	2001 meter persegi dan lebih (keluasan jumlah lantai)
7. Kilang	(i) Satu tingkat 2001 meter persegi dan lebih yang terpasang sistem sprinkler. (ii) 2 tingkat di mana setiap lantai dibina sebagai ruang berasingan, pembinaan tunggal atau teres Melebihi 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai) (iii) 3 tingkat dan lebih (iv) Kilang Bertingkat Pembangunan Blok Pendekatan Langkan Terbuka 2 tingkat dan lebih di mana setiap ruang melebihi 7000 meter padu (v) Struktur Khas – (a) Kompleks kilang seperti kompleks kisar minyak sawit, kilang penapis minyak, kerja simen, dll. (b) Proses berbahaya

8. Tempat Perhimpunan	(i) Bangunan tanpa sistem penyaman udara pusat 2000 meter persegi dan lebih (ii) Bangunan dengan sistem penyaman udara pusat melebihi 1000 meter persegi atau dengan muatan 1000 orang dan lebih
9. Storan dan Am	(i) Struktur tempat letak kereta bawah tanah melebihi 1000 meter persegi (ii) Lebih daripada 7000 meter padu (iii) 2 tingkat dan lebih dengan lebih daripada 1000 meter persegi (keluasan jumlah lantai)

Lampiran

Contoh Surat Jawapan Permohonan Sokongan Lesen:

Kepala Surat

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh

(pemohon)

Tuan,

Permohonan Sokongan Lesen Perniagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia

Merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa setelah permohonan tuan disemak, didapati ianya termasuk dalam kategori Premis yang Tidak Memerlukan Sokongan Lesen dari jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....

()

Ketua Zon Bomba

b.p Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri

s.k YS Pen Ketua Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri